

# PROGRAM AKADEMIK JABATAN PERSEDIAAN SAINS

FAKULTI SAINS BUMI, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



# ASASI SAINS UMK

UMK SCIENCE FOUNDATION PROGRAM

**UL0010001**



**PROGRAM**

**UL0010001**

# **ASASI SAINS UMK**

UMK SCIENCE FOUNDATION PROGRAM

**“saintis berminda keusahawanan  
peneraju masa depan negara”**

“entrepreneurial -minded scientists  
are the future leaders of the country”

Jabatan Persediaan Sains  
Fakulti Sains Bumi  
Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Jeli)  
17600 Jeli, Kelantan

- (09) 947 7343/ (ext. 11073/10145)
- [uspd@umk.edu.my](mailto:uspd@umk.edu.my)
- [/UMKPersediaan](#)
- [@UMKPersediaan](#)
- Science On The Go – Official Persediaan Sains UMK
- [fsb.umk.edu.my/asasi-sains.cfm](http://fsb.umk.edu.my/asasi-sains.cfm)



## LATAR BELAKANG

Program Asasi Sains UMK dengan nama asalnya ialah Program Persediaan Keusahawanan Sains UMK merupakan program akademik usahasama UMK-MARA dan telah dijalankan di Kolej MARA Kulim dari tahun 2011 hingga 2019. Sepanjang tempoh penawaran program ini telah mempunyai 9 kohort pelajar dengan jumlah keseluruhannya 565 orang pelajar dan mendapat tajaan MARA sepenuhnya. Bagi tahun 2021, Program Asasi Sains akan ditawarkan di Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Jeli dan MARA bukan lagi menjadi penaja. Program Asasi Sains UMK sudahpun dikenali di dalam negara, oleh itu kelangsungan penawaran program akademik ini perlu diteruskan agar lebih banyak pelajar yang berpengetahuan sains dan mempunyai kemahiran keusahawanan yang tinggi dapat dilahirkan.

## MATLAMAT PROGRAM

Program Asasi Sains UMK merupakan program unik yang mampu melahirkan bakal pelajar yang berpengetahuan dalam bidang sains serta mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang keusahawanan dengan kurikulum dan pendekatan dalam pengajaran yang berbeza. Berdasarkan gabungan mantap subjek sains dan subjek keusahawanan, pelajar dari program ini akan dapat memenuhi keperluan pelajar-pelajar untuk diserapkan ke dalam program Ijazah Sarjana Muda bidang sains dan veteriner di UMK yang memerlukan pelajar yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga kemahiran insaniah.

Program ini akan menyediakan pelajar lepasan SPM Sains asas dan pengetahuan yang kukuh dalam kursus sains dan keusahawanan agar mencapai piawaian dan kualiti yang tinggi untuk ke program Ijazah Sarjana Muda bidang sains dan veteriner di UMK.

## TEMPOH PENGAJIAN

Tempoh pengajian Program Asasi Sains UMK adalah selama **1 Tahun (2 Semester)**.



## STRUKTUR YURAN

*\*Calon yang berjaya berpeluang memohon Bantuan Kewangan Asasi (BKA).*

JENIS BAYARAN	SEM I (RM)	SEM II (RM)
Yuran Pendaftaran* (Sekali sepanjang pengajian)	30.00	-
Penginapan	400.00	400.00
Yuran Pengajian	215.00	215.00
Yuran Perkhidmatan (Komputer & ICT, Perpustakaan, Kesihatan)	60.00	60.00
Insuran Pelajar	25.00	25.00
<b>JUMLAH</b>	<b>730.00</b>	<b>700.00</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,430</b>	



## CARA MEMOHON

Permohonan kemasukan ke program ini adalah melalui sistem permohonan UPU

<https://upu.mohe.gov.my/>

Kementerian Pendidikan Malaysia.

**"saintis berminda keusahawanan peneraju masa depan negara"**

"entrepreneurial -minded scientists are the future leaders of the country"





# SYARAT KEMASUKAN

## Syarat Umum

- ✓ Program Asasi Sains UMK ini terbuka kepada semua pelajar Warganegara Malaysia. Pemohon adalah terdiri daripada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan mestilah berumur tidak melebihi 20 tahun pada tahun permohonan.

## Syarat Kelayakan Minimum

- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya kepujian (Gred C) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu  
DAN
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya empat (4) kepujian dan satu (1) Lulus Bersyarat (Gred D) daripada mata pelajaran berikut:
  - a) Bahasa Inggeris
  - b) Matematik
  - c) Matematik Tambahan
  - d) Fizik
  - e) Kimia
  - f) Biologi
  - g) Pertanian / Sains Pertanian
  - h) Sains / Sains Tambahan
  - i) Geografi
  - j) Reka Cipta
  - k) Asas Kelestarian
  - l) Sains komputer

DAN

- ✓ Calon tidak mempunyai ketidakupayaan fizikal / anggota sehingga menyukarkan kerja-kerja amali. (Sengau dan buta warna dibenarkan)

*\*bagi permohonan kemasukan ke program-program pengajian prasiswazah di UMK adalah tertakluk kepada syarat khusus program pengajian tersebut.*

**"saintis berminda keusahawanan peneraju masa depan negara"**

"entrepreneurial -minded scientists are the future leaders of the country"



# STRUKTUR PROGRAM

KOMPONEN	SEMESTER 1		SEMESTER 2	
	KURSUS	KREDIT	KURSUS	KREDIT
<b>MODUL MATAPELAJARAN UMUM</b>	BAHASA INGGERIS I	2	BAHASA INGGERIS II	2
	*BAHASA ASING I	2	*BAHASA ASING II	2
	ETIKA DAN ADAB SOSIAL	2	**KOKURIKULUM II	1
	**KOKURIKULUM I	1		
<b>MODUL TERAS</b>	MATEMATIK I	4	MATEMATIK II	4
	BIOLOGI	3	BIOLOGI GUNAAN	3
	KIMIA	4	KIMIA GUNAAN	4
	FIZIK	4	FIZIK GUNAAN	4
<b>MODUL BEBAS (KEUSAHAWANAN UMK)</b>	PENGENALAN KEUSAHAWANAN	3	KEMAHIRAN DAN GELAGAT USAHAWAN	3
			PENGENALAN KEPADA INTERNET KEBENDAAN	2
<b>JUMLAH KREDIT</b>	<b>25</b>		<b>25</b>	

\*tertakluk kepada penawaran pada semester berkenaan (Bahasa Arab, Bahasa Jepun, Bahasa Thai, Perancis, Bahasa Sepanyol, Bahasa Jerman)

\*\*tertakluk kepada penawaran pada semester berkenaan (Pengurusan Organisasi, Bola Tampar)

**"saintis berminda keusahawanan peneraju masa depan negara"**

"entrepreneurial -minded scientists are the future leaders of the country"



## LALUAN AKADEMIK

# LEPASAN ASASI SAINS UMK

\*graduan Program Asasi Sains UMK layak memohon ke Program Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaysia Kelantan menerusi laman web rasmi



### ... FAKULTI SAINS BUMI (FSB)

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Geosains) dengan Kejujian  
 Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Sumber Asli) dengan Kejujian  
 Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kelestarian) dengan Kejujian

### ... FAKULTI INDUSTRI ASAS TANI (FIAT)

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Agroteknologi) dengan Kejujian  
 Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Penternakan) dengan Kejujian  
 Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Pembangunan Produk) dengan Kejujian  
 Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Jaminan Makanan) dengan Kejujian

### ... FAKULTI BIOKEJURUTERAAN & TEKNOLOGI (FBKT)

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bioindustri) dengan Kejujian  
 Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bahan) dengan Kejujian  
 Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Sumber Hutan) dengan Kejujian

### ... FAKULTI SENIBINA & EKISTIK (FSE)

Ijazah Sarjana Muda Sains Senibina dengan Kejujian

### ... FAKULTI PERUBATAN VETERINAR (FPV)

Doktor Perubatan Veterinar

Syarat minimum:  
 ≥ PNGK 3.50  
 Gred B (NGMP 3.00) pada peringkat Asasi dalam Biologi & Matematik  
 Dan mana-mana SATU (1) daripada mata pelajaran berikut: Fizik atau Kimia

Calon yang tidak mendapat Gred B (NGMP 3.00) mata pelajaran Matematik pada peringkat Asasi hendaklah sekurang-kurangnya mendapat kepujian dalam mata pelajaran Matematik Tambahan pada peringkat SPM;

Dan mendapat sekurang-kurangnya Kejujian (Gred B) pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris & Matematik

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam Malaysian University English Test (MUET).

WAJIB lulus temuduga

**"saintis berminda keusahawanan peneraju masa depan negara"**

"entrepreneurial -minded scientists are the future leaders of the country"





# FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)

Permohonan  
(UPU Online  
2021)

Bagaimanakah untuk memohon Program Asasi Sains UMK? Adakah saya boleh memohon menerusi UMK atau emel?

- Semua permohonan adalah menerusi laman web rasmi UPU: <https://upu.mohe.gov.my>

Saya tidak memilih Program Asasi Sains UMK dalam senarai pilihan program pengajian. Bolehkah saya memilih Program Asasi Sains UMK lagi?

- Ya. Pemohon yang telah berdaftar menerusi UPU online boleh mengemaskini pilihan program pengajian pada fasa kemaskini pilihan program pengajian yang ditetapkan oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA.

Syarat  
Kemasukan

Apakah syarat kemasukan umum dan khas Program Asasi Sains UMK?  
Adakah permohonan hanya terbuka kepada lepasan SPM tahun semasa sahaja?

- Syarat Umum:** Warganegara Malaysia yang memiliki SPM dan tidak melebihi 20 tahun pada tahun permohonan.
- Syarat Kelayakan Minimum:** kepujian (Gred C) Bahasa Melayu, lulus Sejarah & EMPAT kepujian (Gred C) + SATU lulus bersyarat (Gred D) daripada matapelajaran yang disenaraikan dalam brosur hebahan/sistem UPU.

Berapakah markah merit untuk layak ke Program Asasi Sains UMK?

- Markah merit minimum adalah berdasarkan syarat kemasukan ke Program Asasi Sains UMK, menggunakan kombinasi matapelajaran yang disenaraikan & boleh dikira menggunakan kalkulator merit UPU: <https://upu.mohe.gov.my/index.php/panduan-calon/kalkulator-merit>

Adakah permohonan hanya terbuka kepada lepasan SPM aliran sains sahaja?

- Pemohon yang mencukupi syarat kelayakan minimum daripada kombinasi matapelajaran yang disenaraikan adalah layak untuk memohon Program Asasi Sains UMK.

Keputusan  
Permohonan

Bagaimanakah untuk saya menyemak keputusan permohonan ke Program Asasi Sains UMK?

- Keputusan permohonan boleh disemak menerusi laman web rasmi UPU: <https://upu.mohe.gov.my> pada tarikh yang ditetapkan oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA

Adakah saya akan dijamin mendapat tempat sekiranya memohon Program Asasi Sains UMK?

- Keputusan permohonan adalah tertakluk kepada syarat kemasukkan, unjuran pengambilan pelajar dan mesyuarat pengambilan pelajar Universiti.

Adakah saya boleh membuat Rayuan Kemasukkan ke Program Asasi Sains UMK?

- Rayuan boleh dibuat menerusi laman web rasmi UPU: <https://upu.mohe.gov.my> pada tarikh yang ditetapkan oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA
- Keputusan permohonan adalah tertakluk kepada syarat kemasukkan, unjuran pengambilan pelajar dan mesyuarat pengambilan pelajar Universiti.

**"saintis berminda keusahawanan peneraju masa depan negara"**

"entrepreneurial -minded scientists are the future leaders of the country"



# FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)

2 / 3

## Yuran Pengajian

Berapakah yuran pengajian Program Asasi Sains UMK?

- Yuran pengajian Program Asasi Sains UMK adalah RM 1,430.00 bagi satu (1) tahun pengajian.

Adakah yuran pengajian Program Asasi Sains UMK ditaja sepenuhnya oleh UMK?

- Yuran pengajian adalah tajaan pelajar sepenuhnya. Namun pelajar layak memohon Bantuan Kewangan Asasi (BKA) melalui Universiti berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh Bahagian Biasiswa, KPT.
- Info BKA: <http://dev.mohe.gov.my/en/penajaan/lepasan-spm/bantuan-kewangan-asasi>
- Semakan keputusan BKA: <https://biasiswa.mohe.gov.my/bantuanasasi/index2.php>

Adakah yuran pengajian Program Asasi Sains UMK termasuk yuran penginapan?

- Yuran penginapan adalah termasuk dalam Yuran Pengajian (RM 1,430.00) bagi satu (1) tahun pengajian.

## Pengajian di UMK

Di manakah tempat pengajian bagi pelajar Program Asasi Sains UMK?

- Jabatan Persediaan Sains, Fakulti Sains Bumi, Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Jeli) 17600 Jeli, Kelantan
- Laman web Jabatan Persediaan Sains: <http://fsb.umk.edu.my/>
- Maklumat Program Asasi Sains UMK: <http://fsb.umk.edu.my/asasi-sains.cfm>
- Laman web UMK Kampus Jeli: <https://kampusjeli.umk.edu.my/>

Adakah kediaman pelajar Asasi Sains UMK disediakan oleh UMK?

- Pelajar program Asasi Sains UMK akan menginap di Kolej Kediaman UMK Kampus Jeli.

Berapa lamakah tempoh pengajian Program Asasi Sains UMK?

- Tempoh pengajian minimum adalah SATU (1) tahun dan tempoh pengajian maksimum adalah DUA (2) tahun.

## Selepas tamat pengajian

Adakah pelajar lepasan Asasi Sains UMK boleh memohon menyambung pengajian ke IPTA lain selain daripada UMK?

Adakah pelajar lepasan Asasi Sains UMK boleh memohon program perubatan di Universiti Awam lain?

- Pelajar lepasan Asasi Sains UMK adalah graduan khusus yang telah menjalani proses persediaan bagi menyambung pengajian peringkat prasiswazah di UMK dengan kurikulum khas.
- Pelajar lepasan Asasi Sains UMK hanya layak memohon program pengajian yang disenaraikan oleh UMK.





# FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)

3 / 3

## Maklumat Pengajian

Apakah pilihan program pengajian yang layak dimohon oleh lepasan Asasi Sains UMK?

- Lepasan Asasi Sains UMK boleh memohon pilihan program pengajian berikut dan tertakluk kepada syarat khas program:

**Fakulti Sains Bumi** (<http://fsb.umk.edu.my/>)

- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Sumber Asli) dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kelestarian) dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Geosains) dengan Kepujian

**Fakulti Industri Asas Tani** (<https://fiat.umk.edu.my/index.cfm>)

- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bioindustri) dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bahan) dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Sumber Hutan) dengan Kepujian

**Fakulti Biokejuruteraan & Teknologi** (<https://fbkt.umk.edu.my/>)

- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Agroteknologi) dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Penternakan) dengan Kepujian
- Ijazah Sarjanamuda Sains Gunaan (Teknologi Pembangunan Produk) dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana muda Sains Gunaan (Jaminan Makanan) dengan Kepujian

**Fakulti Senibina & Ekestik** (<http://fae.umk.edu.my/>)

- Ijazah Sarjana Muda Sains Senibina dengan Kepujian

**Fakulti Perubatan Veterinar** (<http://fpv.umk.edu.my/>)

- Doktor Perubatan Veterinar

Adakah lepasan Asasi Sains UMK dijamin mendapat pilihan program pengajian di UMK?

- Pilihan pertama akan diberikan keutamaan namun permohonan tertakluk kepada syarat khas program pengajian dan keputusan Mesyuarat Pemilihan.

## Lain-lain maklumat berkaitan

Laman web UMK: <http://www.umk.edu.my/en/>

Laman web Program Asasi Sains UMK: <http://fsb.umk.edu.my/asasi-sains.cfm>

Media Sosial Jabatan Persediaan Sains UMK

- [Facebook](#)
- [Twitter](#)
- [Instagram](#)
- [YouTube](#)
  - [Testimoni Alumni](#)
  - [Testimoni Guru](#)

UL0010001

# ASASI SAINS UMK

UMK SCIENCE FOUNDATION PROGRAM



**"saintis berminda keusahawanan peneraju masa depan negara"**  
"entrepreneurial -minded scientists are the future leaders of the country"

Jabatan Persediaan Sains  
Fakulti Sains Bumi  
Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Jeli)  
17600 Jeli, Kelantan



OfficialUMK  
umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP  
*is our thrust*

Kita  
#BinaLegasiUMK  
Bersama

#WeAreUMKFamily  
#OneUMKOneDream